

Bab 2

Prestasi PMKS di Malaysia



Bab 2


Prestasi PMKS di Malaysia

Pertumbuhan ekonomi Malaysia yang kukuh pada tahun 2022 turut diterjemahkan melalui prestasi PMKS yang memberangsangkan pada tahun tersebut. Perkara ini dapat dilihat dalam pengembangan ketara petunjuk makroekonomi iaitu Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), eksport, guna tenaga dan produktiviti. Dalam memacu landskap perniagaan domestik dan global yang mencabar, PMKS berjaya menunjukkan daya tahan yang luar biasa, bukan sahaja dengan mengekalkan kelebihan daya saing mereka tetapi juga menempuh laluan pemulihan yang stabil dalam tempoh pascapandemik. Keazaman yang tidak berbelah bagi dan kebolehsuaian yang ditonjolkan oleh PMKS mencerminkan kepentingan mereka sebagai pemain utama dalam memajukan kemakmuran ekonomi Malaysia.

PRESTASI KDNK PMKS PADA TAHUN 2022

KDNK PMKS mengalami pertumbuhan dua angka yang mengagumkan sebanyak 11.6% pada tahun 2022 (2021: 1.3%), menunjukkan pengembangan terpantas sejak tahun 2014. Pertumbuhan ini adalah konsisten dengan pemulihan kukuh Malaysia meskipun dalam kelembapan ekonomi global berikutan konflik Rusia-Ukraine dan kemelesetan ekonomi China. Pemulihan ini menjadi bukti terhadap daya tahan ekonomi negara dan kecekalan pemain PMKS di negara ini. Tambahan pula, prestasi pertumbuhan PMKS bukan sahaja mengatasi pertumbuhan KDNK keseluruhan sebanyak 8.7% (2021: 3.3%) tetapi juga mengatasi pertumbuhan KDNK Bukan PMKS sebanyak 6.9% (2021: 4.5%) seperti yang dipaparkan dalam Carta 2.1. Dari segi nilai, KDNK PMKS pada harga malar tahun 2015 mencapai RM580.4 bilion pada tahun 2022, lebih tinggi daripada RM520.0 bilion yang dicatatkan pada tahun sebelumnya. Hasil daripada kadar pertumbuhan yang lebih pantas pada tahun 2022, sumbangan PMKS kepada KDNK keseluruhan meningkat dengan ketara kepada 38.4% berbanding 37.4% yang dicapai pada tahun 2021 (rujuk Carta 2.2).

Carta 2.1: Pertumbuhan KDNK PMKS, Bukan PMKS dan KDNK Keseluruhan (%)



¹ Pertumbuhan KDNK PMKS berdasarkan Definisi Baharu PKS bagi 2014 berbanding Definisi Lama PKS bagi 2013


² Pertumbuhan KDNK PMKS berdasarkan Definisi Baharu PKS bagi 2014 berbanding Definisi Baharu PKS bagi 2013

³ Pertumbuhan KDNK Bukan PMKS berdasarkan Definisi Baharu PKS bagi 2014 berbanding Definisi Lama PKS bagi 2013

p: permulaan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 2.2: Nilai KDNK PMKS dan KDNK Keseluruhan (harga malar tahun 2015)



p: permulaan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Memberi tumpuan kepada prestasi mengikut sektor, kebanyakan sektor ekonomi PMKS mencatatkan pertumbuhan yang lebih tinggi pada tahun 2022 berbanding tahun sebelumnya, kecuali sektor pertanian (rujuk Jadual 2.1). PMKS dalam tiga sektor iaitu perkhidmatan, perlombongan & pengkuarian dan pembinaan berjaya bangkit daripada pertumbuhan negatif yang dicatatkan pada tahun 2021 apabila mereka pulih dengan kukuh masing-masing pada kadar 16.4% (2021: -0.6%), 8.0% (2021: -3.6%) dan 4.9% (2021: -4.4%). Sementara itu, PMKS dalam sektor pembuatan terus berkembang pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 6.0% (2021: 8.4%). Kadar pemulihan PMKS Malaysia merentas kebanyakan sektor beroleh momentum pada tahun 2022 susulan penamatan sepenuhnya langkah-langkah pembendungan dan pembukaan semula sempadan antarabangsa bermula 1 April 2022.

Membandingkan antara ekonomi keseluruhan dan PMKS, terdapat beberapa dapatan yang perlu diberi perhatian. Pertama, pertumbuhan KDNK bagi PMKS dalam sektor perkhidmatan dan perlombongan & pengkuarian telah berjaya mengatasi pertumbuhan perniagaan keseluruhan sepanjang tahun. Kedua, PMKS dalam sektor pertanian mencatatkan pertumbuhan negatif dalam KDNK berbanding keseluruhan sektor pertanian yang mencatatkan pertumbuhan secara marginal sebanyak 0.1%. Perbezaan ini sebahagiannya disebabkan oleh pertumbuhan PMKS yang kurang menggalakkan dalam subsektor getah & pertanian lain, manakala keseluruhan perniagaan dalam sektor ini mendapat manfaat daripada prestasi kukuh pengeluaran kelapa sawit pada tahun 2022. Hasil kelapa sawit pulih pada tahun tersebut memandangkan aktiviti penuaian semakin bertambah baik berikutan kemasukan semula pekerja asing ke dalam sektor perladangan pada suku keempat tahun 2022.

Jadual 2.1: Pertumbuhan KDNK PMKS dan KDNK Keseluruhan mengikut Sektor Ekonomi (harga malar tahun 2015)

	Pertumbuhan Tahunan (%)		
	KDNK PMKS 2021	KDNK PMKS 2022	KDNK Keseluruhan 2022
Perkhidmatan	-0.6	16.4	10.9
Pembuatan	8.4	6.0	8.1
Pertanian	2.0	-0.6	0.1
Pembinaan	-4.4	4.9	5.0
Perlombongan & Pengkuarian	-3.6	8.0	2.6
Jumlah	1.3	11.6	8.7

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Dari segi sumbangan mengikut sektor ekonomi, sektor perkhidmatan terus menjadi penyumbang utama kepada KDNK PMKS pada tahun 2022. Sumbangannya meningkat dengan ketara kepada 63.6% daripada 60.9% yang dicatatkan pada tahun sebelumnya (rujuk Jadual 2.2). Sebaliknya, sumbangan PMKS dalam sektor lain iaitu pembuatan, pertanian dan pembinaan telah menurun. Sementara itu, sektor perlombongan & pengkuarian memberi sumbangan terkecil sebanyak 0.5% kepada KDNK PMKS. Trend komposisi PMKS mencerminkan KDNK keseluruhan, kecuali bagi sektor perlombongan & pengkuarian yang mempunyai wajaran lebih tinggi dan menonjol dalam struktur KDNK keseluruhan iaitu pada 6.4%. Perkara ini disebabkan oleh perbezaan struktur memandangkan PMKS dalam sektor perlombongan & pengkuarian kebanyakan terlibat dalam aktiviti yang berkaitan dengan lain-lain perlombongan & pengkuarian dan perkhidmatan sokongan, manakala aktiviti minyak mentah & pemeluwapan dan gas asli memainkan peranan penting bagi menyumbang kepada KDNK keseluruhan dalam sektor perlombongan & pengkuarian.

Jadual 2.2: Sumbangan KDNK PMKS dan KDNK Keseluruhan mengikut Sektor Ekonomi (harga malar tahun 2015)

	Sumbangan Peratusan kepada Keseluruhan (%)		
	KDNK PMKS 2021	KDNK PMKS 2022	KDNK Keseluruhan 2022
Perkhidmatan	60.9	63.6	58.3
Pembuatan	22.1	21.0	24.1
Pertanian	10.5	9.3	6.6
Pembinaan	4.8	4.5	3.5
Perlombongan & Pengkuarian	0.5	0.5	6.4
Campur: duti import	1.1	1.1	1.1
Jumlah	100.0	100.0	100.0

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Nilai Ditambah PMKS dalam Sektor Perkhidmatan

Bagi tahun 2022, PMKS dalam sektor perkhidmatan mengalami lonjakan pertumbuhan yang kukuh dengan sektor ini memacu KDNK PMKS. Nilai ditambah PMKS dalam sektor ini meningkat semula pada kadar pertumbuhan luar biasa sebanyak 16.4% pada tahun 2022 (2021: -0.6%), disokong oleh pengembangan dua digit merentas semua subsektor. Subsektor perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan yang mencakupi 65.6% daripada nilai ditambah PMKS dalam sektor ini berkembang sebanyak 15.9% (2021: 0.9%). Pertumbuhan dalam segmen yang berhubung rapat dengan pelanggan (*high-touch segments*) ini dipacu oleh penamatan sepenuhnya langkah-langkah pembendungan dan pemulihan beransur-ansur dalam aktiviti pelancongan memandangkan sempadan antarabangsa telah dibuka semula pada 1 April 2022. Subsektor kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan berkembang sebanyak 16.9%, menandakan pemulihan yang ketara berbanding pertumbuhan menguncup sebanyak 4.9% pada tahun 2021. Perkhidmatan hartanah dan perniagaan bertambah baik sepanjang tahun, mencerminkan peningkatan dalam aktiviti pembuatan dan pembinaan.



Selain itu, penting untuk ditekankan bahawa pertumbuhan subsektor pengangkutan & penyimpanan dan maklumat & komunikasi terus menunjukkan trajektori pertumbuhan yang mampan dan memacu momentum pertumbuhan sektor perkhidmatan secara keseluruhan, dengan berkembang sebanyak 17.8% pada tahun 2022 (2021: 3.4%). Pertumbuhan ini mendapat manfaat daripada peningkatan penggunaan perkhidmatan penghantaran dan e-dagang serta aktiviti perdagangan runcit dalam talian yang tinggi sepanjang tahun. Di samping itu, subsektor perkhidmatan lain berkembang pada kadar terpanas sebanyak 18.4%, iaitu merupakan pemulihan yang ketara daripada kemerosotan mendadak sebanyak 9.3% pada tahun 2021. Peningkatan dalam subsektor perkhidmatan lain disokong oleh aktiviti kesihatan dan pendidikan swasta.

Carta 2.3: Pertumbuhan Nilai Ditambah PMKS dalam Subsektor Perkhidmatan (%)



p: permulaan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Nilai Ditambah PMKS dalam Sektor Pembuatan


Momentum pemulihan positif bagi PMKS dalam sektor pembuatan kekal sepanjang tahun 2022 dengan nilai ditambah PMKS berkembang secara sederhana sebanyak 6.0% (2021: 8.4%). Semua subsektor mencatatkan pertumbuhan positif dengan penamatan sepenuhnya langkah-langkah pembendungan telah memberi sokongan kepada aktiviti pengeluaran. Melihat kepada setiap subsektor, pengembangan kukuh diperhatikan dalam produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka yang berkembang sebanyak 7.7% (2021: 5.2%), mendapat manfaat daripada penggunaan kukuh dan aktiviti berkaitan pembinaan di ekonomi dalam negeri (rujuk Carta 2.4). Selain itu, subsektor pembuatan lain mencatatkan pertumbuhan yang kukuh sebanyak 8.3% berbanding 8.1% pada tahun 2021. Kedua-dua subsektor ini secara kolektif membentuk 53.4% daripada jumlah nilai ditambah PMKS pembuatan, justeru meningkatkan prestasi keseluruhan sektor tersebut.




Trend pertumbuhan yang lebih tinggi turut dilihat dalam subsektor makanan, minuman dan tembakau memandangkan subsektor ini bertambah baik sebanyak 4.8% pada tahun 2022 (2021: 4.5%) didorong oleh permintaan yang lebih kukuh dan perbelanjaan isi rumah dalam negeri yang lebih tinggi. Di samping itu, menyumbang satu perempat daripada jumlah nilai ditambah PMKS dalam sektor pembuatan, pertumbuhan nilai ditambah PMKS bagi subsektor produk petroleum, kimia, getah & plastik adalah lebih perlahan iaitu 2.6% berbanding pertumbuhan dua angka yang kukuh sebanyak 14.7% pada tahun sebelumnya. Meskipun kadar pertumbuhan adalah sederhana, pengeluaran yang lebih tinggi bagi industri berasaskan sumber ini terus memberi sumbangan yang ketara kepada pertumbuhan keseluruhan sektor pada tahun tersebut berikutan pemulihan dalam permintaan global dan dalam negeri.

Carta 2.4: Pertumbuhan Nilai Ditambah PMKS dalam Subsektor Pembuatan (%)

Pertumbuhan tahunan (%)



Komposisi Nilai Ditambah PMKS dalam Sektor Pembuatan pada Tahun 2022



p: permulaan


Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia



Nilai Ditambah PMKS dalam Sektor Pertanian

Pertumbuhan nilai ditambah PMKS dalam sektor pertanian mencatatkan penguncupan sebanyak 0.6% pada tahun 2022, berbeza dengan pengembangan 2.0% yang diperoleh pada tahun sebelumnya (rujuk Carta 2.5), susulan prestasi yang kurang menggalakkan oleh pemain PMKS dalam getah & pertanian lain. Perkara ini dicerminkan dengan pertumbuhan negatif oleh subsektor getah, kelapa sawit, penternakan & pertanian lain sebanyak 1.2% (2021: 2.5%). Subsektor ini merangkumi majoriti 80.0% daripada jumlah nilai ditambah PMKS dalam sektor pertanian, lantas menjejaskan prestasi keseluruhan PMKS dalam sektor ini. Kenaikan kos input terutamanya untuk makanan haiwan dan baja mungkin sebahagiannya menyumbang kepada prestasi subsektor yang kurang menggalakkan. Tambahan pula, penguncupan sektor pertanian turut mendapat kesan daripada aktiviti perhutanan dan pembalakan sepanjang tahun memandangkan subsektor ini menguncup sebanyak 2.7% (2022: 2.2%). Sebaliknya, terdapat pemulihan yang berlaku dalam kalangan PMKS di subsektor perikanan, dengan nilai ditambah firma meningkat semula sebanyak 2.9% pada tahun 2022 berbanding penurunan secara marginal sebanyak 0.5% pada tahun sebelumnya.

Carta 2.5: Pertumbuhan Nilai Ditambah PMKS dalam Subsektor Pertanian (%)



p: permulaan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Nilai Ditambah PMKS dalam Sektor Pembinaan dan Perlombongan & Pengkuarian

Selari dengan pengembangan kukuh dalam industri pembinaan Malaysia, PMKS dalam sektor pembinaan juga berjaya bangkit semula, mencapai kadar pertumbuhan positif sebanyak 4.9% pada tahun 2022. Pencapaian ini menunjukkan peningkatan ketara berbanding penguncupan 4.4% yang dicatatkan pada tahun sebelumnya (rujuk Carta 2.6). Subsektor perdagangan khusus yang kebanyakannya memacu industri tersebut dan terdiri terutamanya daripada PMKS, menerima sokongan daripada aktiviti peringkat awal dan akhir seperti kerja penyediaan tapak dan kerja pemasangan, serta pelaksanaan berterusan projek berskala kecil. Tambahan pula, subsektor bukan kediaman juga bertambah baik, didorong oleh kemajuan pesat projek hartanah komersial dan perindustrian berskala besar.

Sementara itu, corak pemulihan yang serupa dapat diperhatikan dalam sektor perlombongan & pengkuarian yang meningkat semula dengan berkembang sebanyak 8.0% pada tahun 2022 (2021: -3.6%), disokong oleh pengembangan subsektornya, iaitu lain-lain aktiviti perlombongan & pengkuarian dan perkhidmatan sokongan. Pertumbuhan ini mengatasi kadar pertumbuhan KDNK keseluruhan bagi sektor perlombongan & pengkuarian yang berkembang pada 2.6%. Perlu ditekankan bahawa aktiviti berkaitan dengan perkhidmatan sokongan perlombongan memainkan peranan penting dalam memacu pemulihan sektor ini, lantas menunjukkan bahawa majoriti PMKS dalam sektor ini terlibat dalam aktiviti perlombongan mineral dan pengkuarian.



Carta 2.6: Pertumbuhan Nilai Ditambah PMKS dalam Sektor Pembinaan dan Perlombongan & Pengkuarian (%)




p: permulaan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

PRESTASI GUNA TENAGA PMKS PADA TAHUN 2022

PMKS memainkan peranan penting dalam landskap guna tenaga Malaysia, menyumbang dengan ketara kepada jumlah tenaga kerja negara. Pertumbuhan guna tenaga PMKS meningkat kepada 3.8% (7.6 juta pekerja) pada tahun 2022, pertumbuhan tertinggi sejak pelaksanaan definisi semula PMKS pada tahun 2014 (rujuk Carta 2.7). Perkara ini diterjemahkan melalui peningkatan sekitar 280,000 pekerja yang digaji, disokong oleh pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat susulan penamatan langkah-langkah pembendungan COVID-19, kegiatan ekonomi yang kembali normal dan pembukaan semula sempadan antarabangsa. Namun begitu, bukan PMKS mengalami pertumbuhan guna tenaga yang lebih sederhana sebanyak 2.4% atau peningkatan kira-kira 193,000 pekerja. Kenaikan pengambilan pekerja oleh PMKS telah menyebabkan peningkatan sumbangan PMKS dalam landskap guna tenaga keseluruhan, mencakupi 48.2% pada tahun 2022 berbanding 47.8% pada tahun sebelumnya. Kenaikan sumbangan ini menekankan peranan berterusan yang dimainkan oleh PMKS dalam membuka peluang pekerjaan dan menyokong sumber pendapatan merentas pelbagai sektor ekonomi.


Carta 2.7: Bilangan Guna Tenaga dan Pertumbuhan Tahunan dari 2018 - 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Membuat analisis terhadap prestasi sektor ekonomi, terbukti bahawa semua segmen ekonomi menunjukkan pertumbuhan positif dalam guna tenaga PMKS, kecuali sektor pertanian yang mencatatkan penurunan kecil sebanyak 0.4% (2021: 1.5%). Sejalan dengan penguncupan dalam keseluruhan guna tenaga pertanian, trend penggajian oleh PMKS dalam sektor pertanian mungkin terjejas berikutan kekurangan tenaga kerja. Meskipun Malaysia melonggarkan sekatan COVID-19 terhadap penggajian pekerja asing pada Februari 2022, kekurangan tenaga kerja masih berterusan lantas menyebabkan gangguan dalam produktiviti terutamanya dalam industri minyak sawit. Sementara itu, sektor perkhidmatan yang membentuk hampir dua pertiga daripada guna tenaga PMKS telah mendorong pertumbuhan positif guna tenaga PMKS pada tahun 2022 dengan pertumbuhan dicatatkan sebanyak 5.3% atau peningkatan sekitar 244,000 pekerja. Carta 2.8 memaparkan gambaran visual mengenai taburan guna tenaga PMKS merentas sektor ekonomi, dengan sektor perkhidmatan mendominasi sebanyak 64.1%, diikuti oleh pembuatan (16.4%), pertanian (10.4%), pembinaan (8.8%) dan perlombongan & pengkuarian (0.3%).

Carta 2.8: Komponen Guna Tenaga PMKS mengikut Sektor Ekonomi pada Tahun 2022 (%)




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

PRESTASI PRODUKTIVITI PEKERJA PMKS PADA TAHUN 2022

Produktiviti pekerja PMKS yang diukur dengan nilai ditambah sebenar bagi setiap pekerja terus berkembang pada pertumbuhan ketara sebanyak 7.5% pada tahun 2022 (2021: 0.5%), lantas menghasilkan nilai produktiviti sebanyak RM76,433 berbanding RM71,089 pada tahun 2021 (rujuk Carta 2.9). Lonjakan produktiviti dipacu oleh pertumbuhan kukuh dalam sektor perkhidmatan (10.6%) dan perlombongan & pengkuarian (7.9%) sepanjang tahun. Di samping itu, produktiviti PMKS dalam sektor perkhidmatan, perlombongan & pengkuarian dan pembinaan meningkat semula daripada pertumbuhan produktiviti negatif yang dicatatkan pada tahun sebelumnya. Walaupun semua sektor mencatatkan pertumbuhan produktiviti yang positif, PMKS dalam sektor pertanian sebaliknya mengalami pertumbuhan negatif sebanyak 0.2% pada tahun 2022 (2021: 0.5%), selari dengan penguncupan KDNK dan guna tenaga dalam kalangan PMKS pertanian.

Carta 2.9: Produktiviti Pekerja dan Pertumbuhan Tahunan dari 2018 - 2022



p: permulaan


Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Membandingkan tahap produktiviti antara PMKS dan bukan PMKS, bukan PMKS mencatatkan pertumbuhan yang lebih perlahan sebanyak 4.4% untuk mencapai RM113,920 bagi setiap pekerja pada tahun 2022. Meskipun pertumbuhan adalah lebih perlahan, produktiviti pekerja bukan PMKS secara konsisten kekal 1.5 kali lebih tinggi daripada PMKS sejak tahun 2015. Perbezaan ini sebahagiannya disebabkan oleh peningkatan produktiviti firma besar yang disokong oleh peningkatan pelaburan modal dan kehadiran pekerja berkemahiran tinggi yang lebih ramai. Jurang produktiviti pekerja yang paling ketara dapat dilihat dalam sektor perlombongan & pengkuarian, iaitu 12.3 kali lebih tinggi bagi bukan PMKS. Namun begitu, PMKS dalam sektor ini mencapai nilai produktiviti tertinggi mencecah RM137,490 bagi setiap pekerja pada tahun 2022 manakala sektor pembinaan mencatatkan angka terendah iaitu RM39,080 bagi setiap pekerja. Secara ringkasnya, penambahbaikan dalam pendigitalan bahagian belakang (*back-end digitalisation*) dan penerapan teknologi termaju secara berterusan amat diperlukan untuk PMKS meningkatkan lagi penjanaan nilai ditambah mereka. Pelaksanaan amalan pengurusan yang lebih baik boleh membawa kepada peningkatan produktiviti dengan meningkatkan kecekapan operasi dan meminimumkan kos.

PRESTASI EKSPORT PMKS PADA TAHUN 2022

Dari segi luaran, eksport PMKS berkembang dengan ketara sebanyak 16.3% pada tahun 2022 berbanding pertumbuhan 5.4% yang dicatatkan pada tahun 2021 (rujuk Carta 2.10). Eksport PMKS mencapai sejumlah RM144.5 bilion dari segi nilai (2021: RM124.3 bilion), dengan pertumbuhan positif dapat dilihat merentas semua sektor. Sebagai perbandingan, pemain bukan PMKS berkembang dengan lebih pantas dalam eksport mereka, mendapat lebih banyak manfaat daripada pertumbuhan ekonomi global dan peningkatan aktiviti perdagangan. Justeru, sumbangan eksport PMKS kepada eksport keseluruhan pada tahun tersebut menurun kepada 10.5% (2021: 11.4%) (rujuk Carta 2.11). Eksport yang menggalakkan oleh firma besar sebahagiannya disebabkan oleh peningkatan eksport produk elektrik & elektronik (E&E). Perkara ini berlaku disebabkan kedudukan Malaysia yang menonjol sebagai pengeksport E&E utama (38.3% daripada jumlah eksport negara pada tahun 2022), terutamanya dengan peningkatan permintaan bagi komponen E&E susulan aliran peningkatan trend mega berteknologi seperti kenderaan elektrik, kecerdasan buatan dan *Internet of Things (IoT)*.

Carta 2.10: Prestasi Eksport dan Pertumbuhan Tahunan dari 2018 - 2022




p: permulaan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Memberi tumpuan kepada prestasi mengikut sektor, momentum pertumbuhan eksport diterajui oleh PMKS dalam sektor pembuatan yang menyumbang sebahagian besar 78.8% daripada jumlah eksport PMKS pada tahun 2022. Statistik menunjukkan bahawa prestasi eksport PMKS dalam sektor pembuatan terus berkembang dengan kukuh sebanyak 19.5% pada tahun 2022 (2021: 16.7%), menghasilkan nilai eksport sebanyak RM113.8 bilion. Sektor ini didorong terutamanya oleh momentum eksport yang tinggi dalam barangan pembuatan dan mesin & kelengkapan pengangkutan yang mencatatkan pengembangan kukuh masing-masing sebanyak 39.6% dan 41.7% pada tahun 2022. Melihat kepada destinasi utama eksport PMKS dalam sektor pembuatan, Singapura muncul sebagai destinasi utama dengan sumbangan 17.4%, diikuti oleh China (15.0%) dan Amerika Syarikat (11.6%).

Carta 2.11: Komponen Eksport PMKS dan Sumbangannya dari 2018 - 2022



p: permulaan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor perkhidmatan yang menyumbang sekitar satu perlima daripada jumlah eksport PMKS, berjaya pulih dan meningkat semula daripada penguncupan mendadak sebanyak 22.6% pada tahun 2021 apabila sektor ini mengalami pertumbuhan positif sebanyak 5.7% pada tahun 2022 untuk mencapai RM27.7 bilion. Pemulihan eksport sektor ini dipacu oleh industri seperti pelancongan; telekomunikasi, komputer & maklumat; dan pengangkutan. Pertumbuhan eksport industri ini telah mendapat manfaat daripada pemulihan beransur-ansur dalam aktiviti pelancongan berikutan pembukaan semula sempadan antarabangsa serta aktiviti perdagangan runcit dalam talian dan e-dagang yang tinggi pada tahun tersebut. Eksport perkhidmatan PMKS juga sebahagiannya menerima sokongan daripada pertumbuhan eksport yang lebih tinggi dalam perkhidmatan pengangkutan pada tahun 2022 sebanyak 43.3% (2021: 24.7%), seperti perkhidmatan penghantaran, pos & kurier.

Di samping itu, eksport pertanian mencatatkan pertumbuhan yang lebih sederhana sebanyak 6.2% pada tahun 2022 (2021: 20.4%) dengan menyumbang sebanyak 2.1% kepada jumlah eksport PMKS. Pertumbuhan sektor pertanian didorong terutamanya oleh peningkatan eksport buah-buahan dan sayur-sayuran oleh PMKS. Destinasi utama eksport pertanian PMKS adalah Singapura (48.3%), diikuti oleh Thailand (8.7%) dan Jepun (6.1%). Secara ringkasnya, penembusan PMKS ke pasaran global perlu terus digalakkan memandangkan aktiviti pengantarabangsaan adalah penting untuk meningkatkan prestasi mereka. Langkah dan inisiatif dasar bersasar perlu ditekankan bagi meningkatkan eksport dalam kalangan PMKS dengan strategi yang disesuaikan bagi tujuan mengukuhkan kapasiti dan keupayaan mereka.